



جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكرى ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan Kami : JKPMM.KOMP.100-11/2/13 (54)

Tarikh : 14 November 2020
Bersamaan 2 Rabiulakhir 1442H

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB. Datuk Seri / SS Datuk Wira / YAA. Datuk / YBhg. Datuk Wira / YBhg. Datuk / Tuan / Puan,

PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PEMBEKAL DAN MAKLUMAT KAKITANGAN (NOMBOR TELEFON BIMBIT) DALAM SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI (iSPEKS) BAGI TUJUAN GERBANG SMS KERAJAAN (mySMS)

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YB. Datuk Seri / SS Datuk Wira / YAA. Datuk / YBhg. Datuk Wira / YBhg. Datuk / Tuan / Puan, pentadbiran ini sedang mengemaskini maklumat nombor telefon bimbit penerima bayaran melalui iSPEKS bagi tujuan perkhidmatan Gerbang SMS Bayaran. Pihak Jabatan/PTJ perlu memastikan **nombor telefon bimbit** (keutamaan), alamat emel dan nombor faks setiap penerima bayaran yang berdaftar di bawah jabatan YB. Datuk Seri / SS Datuk Wira / YAA. Datuk / YBhg. Datuk Wira / YBhg. Datuk / Tuan / Puan adalah terkini dan dihantar kepada Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Melaka bagi tujuan pengemaskinian data.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YB. Datuk Seri / SS Datuk Wira / YAA. Datuk / YBhg. Datuk Wira / YBhg. Datuk / Tuan / Puan adalah diminta untuk mengemaskini maklumat-maklumat nombor telefon bimbit (keutamaan), alamat emel dan nombor faks seperti berikut:-

3.1. Mengemaskini Maklumat Pembekal

(Nota: Pengemaskinian Maklumat Pembekal dalam iSPEKS akan dibuat oleh Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka).

- i) Dapatkan maklumat lengkap dan terkini nombor telefon bimbit (keutamaan), alamat emel dan nombor faks semua pembekal;
- ii) Lengkapkan Borang Maklumat Pembekal (seperti Lampiran A) dan kemukakan kepada pentadbiran ini.

.../2

d:NM/iin(NM/surat kemaskini maklumat)



3.2. Mengemaskini Maklumat Kakitangan

(Nota: Pengemaskinian Maklumat Kakitangan dalam iSPEKS akan dibuat oleh Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka)

- i) Dapatkan maklumat lengkap dan terkini nombor telefon bimbit (keutamaan), alamat emel dan nombor faks semua pembekal;
- ii) Lengkapkan Borang Maklumat Kakitangan (seperti Lampiran B) dan kemukakan kepada pentadbiran ini.

4. Untuk makluman pihak YB. Datuk Seri / SS Datuk Wira / YAA. Datuk / YBhg. Datuk Wira / YBhg. Datuk / Tuan / Puan jua, sekiranya maklumat nombor telefon bimbit tidak dikemaskini dalam iSPEKS, maka penerima bayaran tidak akan mendapat hebahan mengenai makluman bayaran yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui khidmat pesanan ringkas. Pihak YB. Datuk Seri / SS Datuk Wira / YAA. Datuk / YBhg. Datuk Wira / YBhg. Datuk / Tuan / Puan boleh melayari laman web pentadbiran ini bagi mendapatkan borang yang dinyatakan di alamat <https://jkpm.melaka.gov.my>.


5. Kerjasama pihak YB. Datuk Seri / SS Datuk Wira / YAA. Datuk / YBhg. Datuk Wira / YBhg. Datuk / Tuan / Puan sangatlah diharapkan bagi menjayakan projek gerbang mySMS ini dan seterusnya merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri ke arah mempertingkatkan produktiviti serta kecekapan pengurusan maklumat. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA “

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menjalankan amanah,


(NORIFAH BINTI NORDIN)
Bendahara Negeri
MELAKA

s.k. YB Pegawai Kewangan Negeri
MELAKA

- untuk makluman YB Datuk

**BORANG MAKLUMAT KAKITANGAN
SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI (ISPEKS)**

Bil	Nama	No. Kad Pengenalan	No. Telefon Bimbit	Emel	No. Faks

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

Nama:

Nama:

Nama:

Jawatan:

Jawatan:

Jawatan:

Tarikh:

Tarikh:

Tarikh:

Makluman:-

1. Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka hanya berpandukan pada senarai maklumat yang dikemukakan oleh pihak Jabatan / PTJ (Lampiran B).
2. Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan maklumat yang diberikan oleh pihak Jabatan / PTJ